

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (TRAGEDI KEBAKARAN)

TARIKH: 16 SEPTEMBER 2017

MUKA SURAT: 05

## Operasi periksa pusat tahfiz Isnin

**SEREMBAN 15 Sept.** - Pusat tahfiz di Negeri Sembilan yang tidak mematuhi piawaian keselamatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) akan dikenakan tindakan tegas termasuk diarah menutup premis.

Pengarah JBPM negeri, Norazam Khamis berkata, pihaknya akan melakukan pemeriksaan di semua pusat tahfiz khususnya yang mempunyai asrama bermula Isnin ini bagi mengenal pasti premis yang tidak mematuhi aspek keselamatan ditetapkan.

"Sebanyak 31 institusi tahfiz dan sekolah agama telah berdaftar dengan bomba di negeri ini dan kesemuanya

akan menjalani pemeriksaan keselamatan khususnya di ruang penginapan, tangga, lampu kecemasan, pintu dan laluan kecemasan.

"Jika didapati premis tidak mematuhi piawaian JPBM, pemberian notis mengikut Seksyen 10, Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341) akan diserahkan dan jika gagal patuhi, notis denda pula akan dikeluarkan," katanya ketika ditemui selepas melakukan pemeriksaan keselamatan di sebuah institut tahfiz di sini, hari ini.

Pemeriksaan tersebut dilakukan susulan tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di ibu negara, semalam.